



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

**LJT 6 JLD.9 / (52)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT  
LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

30 Jun 2022  
30 Zulkaedah 1443H

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

**YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan**

---

**SURAT PEKELILING  
LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA  
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

---

## **CAJ FI UKUR BAGI PELETAKAN TANDA SEMPADAN BAHARU**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) merupakan Lembaga Profesional yang antara fungsinya adalah sebagai pemegang amanah kepada bayaran fi ukur yang didepositkan di LJT.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, sebelum pelaksanaan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2019, tiada caj fi ukur bagi peletakan tanda sempadan baharu dalam Jadual Ketigabelas. Namun begitu, setelah pelaksanaannya pada 1 Mei 2019, maka terdapat peruntukan caj peletakan tanda sempadan baharu dalam Jadual tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, Juruukur Tanah Berlesen (JTB) hendaklah mengenakan caj peletakan tanda sempadan baharu ke atas ukuran yang dijalankan semasa mendepositkan bayaran fi ukur kepada LJT. Dalam hubungan ini, jelas dinyatakan di bawah Jadual Ketigabelas, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2019 bahawa semua fi yang boleh dikenakan di bawah Susunan I hingga Susunan XIV ialah fi minimum.

5. Selaras dengan itu, LJT akan membuat semakan ke atas kerja-kerja ukur yang didepositkan di LJT pada 1 September 2022 dan berikutnya bagi memastikan caj peletakan tanda sempadan baharu telah dikenakan oleh JTB. Sistem eLJT akan mengeluarkan pertanyaan sekiranya didapati caj tersebut tidak didepositkan kepada LJT.


6. Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 September 2022.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK SRI ISMAIL BIN HARUN)**

**Setiausaha**

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

**Salinan Kepada :**

**Agihan Luar :**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Semua Pengarah Ukur Negeri

Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)